KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20.03.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JMG			



Kerja pembersihan diteruskan di kawasan tanah runtuh Taman Bukit Permai 2, Ampang.
(Foto Genes Gulitah /BH)

JKR kesan pergerakan kecil tanah di Taman Bukit Permai 2

Perkembangan dimaklum kepada PBT persediaan sebarang kemungkinan

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Ampang Jaya: Pergerakan tanah kecil bersaiz 0.1 milimeter (mm) hingga 1.6 mm dikesan di lokasi kejadian tanah runtuh Taman Bukit Permai 2, di sini, kelmarin, yang mengakibatkan empat maut dan seorang cedera pada petang 10 Mac lalu.

Pergerakan kecil itu dikesan 10 sensor mengesan pergerakan tanah yang dipasang di sekitar kawasan kejadian.

Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Mohamad Zulkefly Sulaiman, berkata walaupun tidak melepasi tahap bahaya, pihaknya sentiasa memaklumkan perkembangan itu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di lokasi berkenaan sebagai persediaan terhadap sebarang kemungkinan.

"Pihak JKR ada memaklumkan pergerakan kecil tanah yang dikesan sehingga jam 4.20 petang semalam (kelmarin) yang dikategorikan tidak melepasi tahap bahaya.

"Kami turut memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk menutup keseluruhan runtuhan dengan terpaulin dan plastik kanvas bagi mengurangkan pergerakan tanah," katanya.

Beliau turut menyarankan MPAJ dan pihak berkaitan melaksanakan kerja pembaikan sementara di puncak cerun dengan segera.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak, berkata berdasarkan mesyuarat terkini jawatankuasa keselamatan berhubung kejadian berkenaan, tiada sebarang arahan pemindahan terbaru dikeluarkan.

"Arahan sebelum ini yang dikeluarkan kepada penghuni 22 unit kediaman untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) masih kekal dan setakat hari ini (semalam), tiada arahan baharu dikeluarkan kepada penduduk lain.

"Setiap arahan perpindahan tertakluk kepada hasil kajian keselamatan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM), JKR dan MPAJ," katanya.

Mohamad Farouk berkata, pada masa ini, polis masih memberi kebenaran dan bantuan kepada penghuni yang ingin mengambil barang serta dokumen penting di kediaman mereka.

"Kita masih memberikan kebenaran kepada penduduk yang ingin mengambil barang penting dengan syarat mereka perlu memaklumkan kepada pihak polis yang berada di lokasi kejadian.

"Ini bagi mengelak berlaku kejadian jenayah. Sehingga kini, tiada sebarang kejadian kecurian atau kehilangan barang dilaporkan," katanya.